

**SEMINAR PERANAN KOPERASI KARIAH
MASJID SEMPENA MENYAMBUT
MAULIDUR RASUL**

**UCAPTAMA:
MEMPERKASAKAN GERAKAN KOPERASI
KARIAH MASJID BAGI JIHAD EKONOMI
ISLAM**

TARIKH: 21-22 OKTOBER 2022
TEMPAT: UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH (UNIPSAS)

- Terima kasih diucapkan kepada penganjur dan para hadirin kerana menjayakan program yang diadakan pada hari ini. Koperasi Kariah Masjid (KKM) merupakan sebuah koperasi

berasaskan institusi masjid. KKM ditubuhkan dengan objektif untuk memberikan keuntungan pada aspek ekonomi dan sosial kepada komuniti. Di antara adalah:

- I. Pusat penjana ekonomi.
(Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan/ perniagaan)

- II. Sebagai platform untuk menggalakkan umat islam berniaga. (Menggunakan sumber-sumber kewangan dan kemahiran anggota/kariah setempat)
- III. Pemangkin dalam usaha pengimarahannya institusi masjid seterusnya menarik minat kariah untuk mengunjungi masjid. (Menyediakan

kemudahan dan perkhidmatan kepada anggota/ kariah).

- IV. Memenuhi tuntutan sosial dan budaya justeru mengeratkan perpaduan dan semangat bekerjasama. (perkhidmatan menyalurkan bantuan, sumbangan dan sebagainya)

V. dan patuh syariah Menjaga kepentingan umat Islam. (menyediakan produk-produk Halal)

- Penubuhan Koperasi Kariah Masjid tersebut dengan keanggotaan minima seramai 20 orang dan keahlian yang terbuka kepada masyarakat setempat merupakan satu platform

untuk membangunkan ekonomi kariah masjid melalui aktiviti perniagaan serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada ahli kariah.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

- Kita perlu mempunyai pandangan yang jauh dalam memertabatkan peranan masjid di dalam kehidupan seharian kita. Masjid bukan sahaja dijadikan sebagai tempat untuk beribadat dan menuntut ilmu agama malahan perlu diperluaskan peranannya dan turut dijadikan ruang untuk membangunkan ekonomi

umamah setempat dan masyarakat islam keseluruhannya seperti yang berlaku di zaman Rasullullah s.a.w. masjid turut dijadikan tempat bermesyuarah, berlatih memanah dan sebagainya.

Sabda Rasulullah S.A.W

“ Barang siapa membangun masjid kerana Allah, nescaya Allah

bangunkan baginya sebuah mahligai di Syurga” (Riwayat Bukhari dan Muslim)

- Sehingga tahun 2022 sejumlah **6,850** buah Masjid dan **18,360** buah surau telah didaftarkan di seluruh Malaysia. Manakala untuk Negeri

Pahang sejumlah **652** buah masjid dan **1,752** buah surau .

- Masjid sendiri sebenarnya melambangkan perpaduan dan ukhuwah umat Islam, selain medium untuk menjana serta membangunkan modal insan sama ada dari aspek akhlak atau kerohanian. Jika dilihat

ketika zaman Rasulullah SAW, masjid memainkan peranan cukup luas mencakupi aspek pentadbiran negara, ekonomi, sosial, keselamatan, pendidikan serta pusat peluasan agama dan sebagainya. Rasulullah sendiri menekankan kepentingan masjid di mana di setiap masjid turut dibina pasar untuk memberi peluang

kepada kaum Muhajirin dan Ansar berkecimpung dalam perniagaan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

- Dalam Islam, Al-Qur'an mengajarkan agar manusia melakukan tolong menolong

(ta'awun) dalam kebajikan dan taqwa dan dilarang tolong menolong dalam dosa dan pelanggaran sebagaimana dijelaskan dalam Al Quran;

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong

dalam berbuat dosa dan pelanggaran.” (Al-Maidah : 2)

Dengan demikian, nilai tolong menolong dalam berekonomi merupakan prinsip dan dasar yang perlu diamankan oleh umat Islam dalam membangun ekonomi. Hal ini dapat dijelaskan melalui prinsip koperasi.

- Jika diteliti, dari segi dasar, melihat dari perspektif makro, menjadi harapan negara sektor koperasi menyumbang secara berkesan kepada pembangunan ekonomi negara. Manakala jika dilihat dari perspektif mikro, koperasi boleh menjadi penjana pertumbuhan ekonomi, menjadi entiti perniagaan

yang kompetitif, mampu untuk menjadi organisasi bantu diri yang efektif dan peka serta proaktif terhadap persekitaran.

- Ini menunjukkan gerakan koperasi kariah masjid mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Manakala, koperasi kariah masjid yang tidak aktif

dan dorman perlu dibantu untuk dipulihkan dan diperkenalkan kepada aktiviti perniagaan yang berpotensi bagi memacu keyakinan kariah di samping menyumbang kepada pendapatan. Disini Bermulanya Kebangkitan Ekonomi Islam! Ini adalah perjuangan jihad ekonomi. Ayuh kita bersama membina Ekosistem Ekonomi

Islam Yang Baru & mengubah nasib Agama & Bangsa Kita!

- Penubuhan koperasi di kalangan kariah masjid merupakan salah satu aktiviti untuk memakmurkan masjid sebagai pusat tumpuan komuniti di samping mengekalkan hubungan yang baik di kalangan masyarakat

setempat melalui penglibatan dalam pelbagai bidang ekonomi. Selain itu, KKM juga berperanan meningkatkan dana masjid dan sosio ekonomi masyarakat setempat. KKM merupakan platform bagi masyarakat setempat menceburi bidang keusahawanan terutamanya bagi industri Halal di Malaysia,

sekaligus meningkatkan taraf hidup anggota kariah

- Sehingga September 2022 sejumlah **536** buah Koperasi Kariah Masjid telah didaftarkan di seluruh Malaysia. Sebanyak **53** buah Koperasi Kariah Masjid didaftarkan di Negeri Pahang.

- Setiap koperasi yang telah berdaftar perlulah mempunyai daya usaha untuk menjayakan koperasi masing-masing dalam membangunkan ekonomi setempat. Kejayaan koperasi Kariah Masjid secara tidak langsung memberi kesempatan kepada kita untuk memajukan masyarakat sekitarnya. Selain daripada itu ianya

memberikan cerminan positif kepada masyarakat bukan islam bahawa masyarakat islam turut mampu membangunkan ekonominya sendiri

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

- Untuk makluman pada tahun 2016 konvensyen Koperasi Kariah Masjid telah di adakan dan di rasmikan oleh Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah, yang mana pada ketika itu baginda merupakan

Tengku Mahkota Pahang. Baginda bertitah agar masjid-masjid menubuh dan membangunkan koperasi kariah masjid demi ekonomi ummah.

- Antara objektif penubuhan KKM ialah untuk mewujudkan perpaduan dan semangat kerjasama di kalangan umat Islam sebagai anggota koperasi

dan masyarakat sekitarnya. KKM dilihat mampu membangunkan aset aset atau dana yang dimiliki oleh masjid seterusnya melonjakkan institusi masjid sebagai pusat menjana ekonomi komuniti. Pada masa yang sama ia menjadikan KKM sebagai pusat pelaksanaan ekonomi berlandaskan Syariah Islam. Bahkan melalui KKM,

kebajikan masyarakat terjaga serta pelbagai jenis ilmu dan kemahiran pengurusan perniagaan dapat dipelajari.

- Manakala, peranan KKM pada aspek ekonomi bersesuaian dengan konsep koperasi iaitu untuk menjana ekonomi anggota. Penubuhan KKM

diharapkan dapat menjadikan masjid sebagai pusat untuk menjana ekonomi umat Islam terutamanya masyarakat sekitarnya. ANGKASA mensasarkan KKM dapat dibangunkan sebagai pengeluar produk halal kepada masyarakat setempat sekaligus meningkatkan jumlah pengeluar produk halal di kalangan orang Islam

mengatasi jumlah orang bukan Islam berkecimpung dalam bidang yang sama, Salam menjaga kepentingan umat Islam dan mengatasi isu berkaitan produk makanan halal. Menjadi satu kewajiban kita untuk mengatasi isu-isu berkaitan produk makanan halal, yang dikeluarkan oleh orang bukan Islam.

- Tambahan lagi, jika masjid dikatakan sebagai pusat ibadah dan pusat menyebarkan ajaran Islam, maka KKM yang berteraskan aktiviti ekonomi merupakan pusat pelaksanaan ekonomi berlandaskan Syariah Islam. KKM dilihat berkemampuan untuk menceburi aktiviti yang berimpak

tinggi melalui kepakaran anggota yang ada. Contohnya seperti aktivitas pelaburan, pemilikan hartanah, pusat dyalisis dan Ar Rahnū. Oleh yang demikian, setiap operasi dan aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh KKM perlu selaras dengan hukum-hukum syarak memandangkan gerakan

koperasi di Malaysia telah diselarikan dengan kehendak Syariat Islam.

- Melalui kepelbagaian aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi Kariah Masjid, ianya akan membuka peluang-peluang pekerjaan kepada anggota serta kariah setempat. Ini dapat membantu golongan yang

memerlukan terutama golongan asnaf dan juga ibu tunggal untuk mendapat pekerjaan.

- Sesetengah kawasan terutama di kawasan perdalaman, sukar untuk mendapatkan bekalan makanan dan keperluan harian. Koperasi boleh memainkan peranan untuk memenuhi

keperluan ini. Dengan ini keperluan kariah setempat bukan sahaja dapat dipenuhi, malahan perkhidmatan, produk dan perniagaan yang dijalankan adalah berlandaskan syariah islam.

- Melalui koperasi juga, diharap produk-produk halal keluaran umat

islam dapat dipertingkat pengeluarannya. Dengan ini masalah untuk mendapatkan produk halal yang diyakini kebersihan dan kesuciannya dapat di tanggani serta keperluan umat islam dapat dipenuhi. Selain dari mengeluarkan, memasarkan dan memperluaskan produk-produk keluaran sendiri,

koperasi juga boleh memainkan peranan membantu memasarkan produk-produk keluaran anggota setempat supaya produk anggota yang mempunyai masalah dari segi pemasaran dan modal dapat dibantu melalui jaringan kerjasama antara dua pihak.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

- Diantara potensi Koperasi Kariah Masjid;
 - I. Jaringan kerjasama strategic melalui koperasi-koperas kariah masjid serantau, dari segi kepakaran, kemahiran dan pembangunan.

- II. Sebagai platform mengumpul dan memasarkan produk halal dengan lebih meluas.
- III. Mewujudkan International Coop-Mosque Development Bank. Ini dapat membantu membangunkan perniagaan koperasi kariah masjid serantau.

IV. Gabungan Koperasi-Koperasi Kariah Masjid Sedunia. Menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan ekonomi umat islam seluruh dunia

- Disini Bermulanya Kebangkitan Ekonomi Islam. Ini adalah perjuangan jihad ekonomi. Ayuh kita bersama membina Ekosistem Ekonomi Islam

Yang Baru & mengubah nasib Agama & Bangsa Kita.

- Saya berharap melalui program ini mudah-mudahan kita sama-sama mendapat keberkatan daripada-Nya serta menjadi batu loncatan untuk masjid kita kembali cemerlang seperti

zaman Rasulullah S.A.W. Sekian terima kasih.